

Peluk Islam setelah kenali budaya Melayu sejak kecil

BATU PAHAT - Perkahwinan campur antara Melayu dan Cina, itulah keputusan yang diambil Noor Hidayah Woo Abdullah, 50, dengan suaminya, Abas Mohamed, 56.

Sesuai dengan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, perkahwinan pasangan berkenaan dijadikan contoh mengeratkan hubungan dua keluarga daripada dua kaum berbeza iaitu Melayu dan Cina.

Malah, perkahwinan mereka yang berlangsung pada 13 September 1984 itu lebih bermakna apabila ulang-tahun perkahwinan disambut dalam bulan sama dengan sambutan Hari Malaysia setiap tahun.

Menurut Noor Hidayah, tarikh itu juga menggambarkan perpaduan erat pelbagai kaum di negara ini, mereka sekeluarga akan menyambut ulang tahun perkahwinan berkenaan, di samping menyambut Hari Malaysia.

Ibu enam cahaya mata itu ber-

kata, dia tertatik memeluk Islam setelah mengenali budaya dan cara hidup Melayu sejak kecil.

"Sebenarnya, saya sudah Islam sebelum kenal suami lagi. Waktu itu, saya dapat sokongan rakan-rakan.

"Sejak di bangun sekolah lagi, saya tertarik untuk mempelajari Islam ketika kelas agama dan setelah meningkat usia 19 tahun saya mengambil keputusan untuk mengucapkan dua kalimah syahadah.

"Boleh dikatakan, saya telah mengetahui banyak budaya Melayu dan adat resam mereka kerana sejak kecil lagi saya bercampur dan terdedah dengan persekitaran bersama masyarakat itu," katanya.

Noor Hidayah, yang berasal dari Jitra, Kedah, berkata, pada awalnya, keluarganya terkejut dengan keputusan yang diambil.

Namun, mereka tidak menghalangnya malah ibu bapanya turut memberikan sokongan.

"Ibu bapa



Noor Hidayah dan Abas bahagia seperti pasangan lain, yang turut dikurniakan enam cahaya mata sepanjang 31 tahun perkahwinan mereka.

dan adik-beradik saya tidak menghalang keputusan yang saya buat ini, malah mereka memberi dorongan termasuk mengejut saya bangun sahur ketika bulan puasa," katanya.

Dalam pada itu, menurut Abas, dia mengenali Noor Hidayah semasa bertugas di Changlon, Kedah, di mana sebelum itu dia pernah berkenalan dengan dua gadis Cina sejak di bangun sekolah.

Menurutnya, perkahwinan campur ini tidak banyak bezanya dengan perkahwinan biasa dan menyatakan perkara yang paling penting ialah bertanggungjawab, toleransi, menjaga hubungan keluarga, menghormati antara satu sama lain terutama keluarga

mertua dan mestilah berpandukan agama.

Katanya, sejak awal perkahwinan mereka, sering kali mereka menjadi contoh dan rujukan kepada pasangan yang berasal daripada kaum yang berbeza yang ingin mendirikan rumah tangga.

"Semasa awal perkahwinan dahulu, saya bersyukur perkahwinan kami tidak dihalang, malah keluarga mertua saya langsung tidak pernah menganggap saya sebagai orang luar.

"Saya pernah jatuh sakit dan terlantar di hospital selama beberapa hari, apa yang membuatkan saya tidak akan lupa sampai bila-bila ada-

lah ketika mendiang bapa mertua datang melawat dan membawa bekalan makanan kepada saya.

"Malah, dia juga menyediakan kelengkapan rumah kepada kami ketika mula-mula berkahwin. Begitu juga adik-beradik ipar yang sentiasa menghulurkan bantuan tanpa mengira masa," kata anak jati Muar yang telah bersara daripada pasukan polis dua tahun lalu.

Pada Ahad lalu, iaitu 13 September pasangan ini telah menyambut ulang tahun ke-31 perkahwinan mereka, dan mengambil keputusan pada cuti Hari Malaysia 16 September (hari ini) untuk menyambut ulang tahun perkahwinan campur berkenaan.

Noor Hidayah dan Abas menunjukkan gambar ketika mereka disatukan 31 tahun lalu, yang mengeratkan hubungan keluarga dua kaum.